

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT]



Sepanjang program itu, orang ramai hanya dibenarkan menggunakan basikal, roller blade, papan luncur, hover board dan skuter blade selain berjalan kaki di kawasan yang ditetapkan di sekitar bandar raya”

**Ahmad Zaharin
Mohd Saad,**
Datuk Bandar Shah Alam

BH
17/4/17
MIS - 12

Sultan Sharafuddin bersama Tengku Permaisuri Norashikin diiringi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (kiri) serta Ahmad Zaharin (dua dari kanan) merasmikan Bas Elektrik pada Hari Tanpa Kenderaan dan Sambutan Hari Bumi 2017 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, semalam.

Sultan Selangor lancar bas elektrik MBSA

➔ Inisiatif galak orang ramai guna pengangkutan awam, kurangkan kesesakan

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

► Shah Alam

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkeinginan melancarkan perkhidmatan bas elektrik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang bertujuan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Selain itu, perkhidmatan bas elektrik yang dimulakan sejak 1 April lalu itu akan dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas serta

mengurangkan sehingga 45 peratus pembebasan karbon di kawasan MBSA.

Sultan Sharafuddin Idris Shah menyempurnakan pelancaran itu ketika baginda bersama-sama Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan ke Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan dan Sambutan Hari Bumi 2017 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam di sini, semalam.

Baginda dan Tengku Permaisuri Norashikin turut menaiki bas bagi melihat sendiri perkhidmatan baharu yang disediakan oleh MBSA sebelum mengunjungi 65 Eco Free Market Shah Alam.

Galak aktiviti sihat

Pasangan Diraja itu turut beramah mesra dengan anak-anak yatim dari Rumah Kasih Harmoni Sungai Buloh dan Rumah Amal Al-Firdaus Denai Alam yang dijemput khas bagi menerima sumbangan Eco Free Market.

Sementara itu, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata setakat ini, MBSA mempunyai dua buah bas

elektronik untuk kegunaan penduduk Shah Alam.

Pada masa sama, Ahmad Zaharin berkata, sepanjang program itu, orang ramai hanya dibenarkan menggunakan basikal, roller blade, papan luncur, hover board dan skuter blade selain berjalan kaki di kawasan yang ditetapkan di sekitar bandar raya.

“Kali ini, MBSA juga mengadakan Sambutan Hari Bumi Peringkat MBSA 2017 bagi mendedahkan komuniti Shah Alam kepada amalan kitar semula termasuk sisa buangan bahan dapur, sisa makanan dan penanaman pokok selain meningkatkan sistem pengurusan sisa pepejal yang terancang dan berkesan.

“Ada juga aktiviti berbasikal, Larian Kitar Semula, mewarna, pameran agensi kerajaan, pemberian baja kompos dan anak pokok percuma, food truck, taklimat hijau daripada MARDI dan banyak lagi.

“Program ini turut disertai 33 kanak-kanak autisme dari Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) yang membuka gerai jualan produk kraf anak-anak itu,” katanya.



Ruang dalaman bas elektrik selesa untuk penumpang.



Kemudahan untuk orang kurang upaya turut disediakan.